

Sesi pendengaran siasatan NFCorp ditangguh

KUALA LUMPUR: Sesi pendengaran siasatan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berhubung kes National Feedlot Corporation (NFCorp) yang sepatutnya bermula hari ini tidak dapat dijalankan kerana ia tidak dihadiri pengerusi dan pengarah urusan syarikat

itu atas nasihat peguam.

Pengerusi PAC Datuk Seri Azmi Khalid berkata pihaknya mempunyai kesukaran untuk mendapatkan kerjasama penuh daripada NFCorp kerana isu membabitkan syarikat itu sudah menjadi kes di mahkamah.

Sesi pendengaran itu pagi semalam dipercayai dihadiri Pengurus Besar Sumber Manusia NFCorp, Wan Zurina Saaran, yang diiringi dua peguam.

“Mereka (pegawai) juga menasihatkan pengarah urusan atau pengerusi eksekutif badan itu supaya tidak hadir kerana

takut menjelaskan mereka dalam perbicaraan nanti,” katanya.

“Tak ada keputusan lagi dibuat setakat ini. Kita menghormati pendapat peguam dia dan keputusan semua pihak, sebab kes itu agak serius (dan) kalau yang disebut itu digunakan dalam mahkamah, ia boleh menjelaskan mereka,” katanya ketika ditemui. -Bernama